

15/04/1997

Muhammad masih Naib Presiden Umno (HL)

Radzi Wahab; Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Isnin - Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor berkuatkuasa hari ini, akan terus menduduki kerusi Naib Presiden Umno dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali.

Beliau, yang turut meneruskan jawatan Ketua Umno Bahagian Hulu Selangor berkata, tiga kerusi itu adalah jawatan yang dipilih dan kerana itu, biarlah ahli parti menentukannya. Memberitahu sidang akhbar yang penuh sesak di pejabatnya hari ini, Muhammad menegaskan, beliau tidak sedikitpun berasa bersalah dalam kedua-dua pertuduhan mahkamah yang dihadapinya di Australia.

Apa yang dihadapinya, jelas Muhammad, hanyalah dua pertuduhan teknikal yang tiada kaitan dengan rasuah atau apa-apa kesalahan lain yang sama bentuknya.

"Saya ingin menekankan bahawa saya tidak langsung bersalah dan lebih mustahak lagi, saya tidak berasa bersalah dalam kedua-dua pertuduhan yang saya hadapi di Australia.

"Ada pihak cuba memburukkan nama saya dengan mengatakan pelepasan jawatan saya ini kerana saya sendiri tahu saya bersalah," katanya sambil menyifatkan komen sedemikian adalah tidak adil.

Sidang akhbar di Bilik Gerakan Negeri, bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri itu dihadiri oleh semua wakil rakyat Barisan Nasional, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Onn Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Hashim Meon dan penyokong Umno. Turut hadir ialah isteri Muhammad, Puan Sri Asbi Rohani Asnan.

Peletakan jawatan Muhammad, 51, yang menghadapi dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta dari Australia, diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) kelmarin.

Selain jawatan Menteri Besar, Muhammad turut melepaskan jawatan Ketua Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Muhammad, yang didakwa cuba membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta (A\$1.2 juta) dari Australia pada 22 Disember lalu, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu membuat perisytiharan palsu apabila hadir di mahkamah di Brisbane 19 Ogos ini.

Dakwaan perisytiharan palsu itu dibuat mengikut Seksyen 29 (3) Akta Laporan Urus niaga Kewangan Australia. Mengikut akta itu, Muhammad boleh didenda sejumlah RM20,000 (A\$10,000) atau penjara sehingga dua tahun jika sabit kesalahan membawa wang itu.

Bagi tuduhan berhubung membuat perisytiharan palsu, beliau boleh dijatuhi hukuman maksimum penjara lima tahun.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) juga dihantar ke Australia untuk menyiasat tuduhan rasuah dan pemilikan harta terhadap Muhammad berhubung sumber wang RM2.4 juta itu.

Muhammad yang kelihatan tenang sepanjang sidang akhbar itu menjelaskan, beliau perlu melepaskan jawatan Menteri Besar Selangor kerana ia adalah public office.

"Tindakan yang saya ambil itu adalah atas dasar bahawa sebagai seorang pemimpin Umno yang bertanggungjawab, saya tidak rela mengaitkan parti dan kerajaan dengan kes saya," jelasnya.

Beliau yang menghadap Sultan Selangor kelmarin bagi memaklumkan

keputusannya melepaskan jawatan Menteri Besar berkata, kes itu menjadi besar kerana ia membabitkan dirinya.

(END)